



30 Julai 2012

## **Dadah punca pergolakan di selatan Thailand**

05:46:10 AM

Bangkok: Kebanyakan rakyat percaya ketegangan di selatan Thailand berpunca daripada banyak masalah terutama pengedaran dadah dan penjualan senjata secara haram yang mempunyai kaitan dengan keganasan, lapor satu tinjauan Pusat Penyelidikan Kolej Pentadbiran Perniagaan Universiti Assumption Thailand, (Abac Poll) yang disiarkan semalam.

Tinjauan diadakan ke atas 2,229 penduduk antara 20 hingga 28 lalu di Bangkok, Pathum Thani, Lop Buri, Ayutthaya, Chanthaburi, Nakhon Sawan, Phetchabun, Chiang Mai, Mukdahan, Nong Khai, Chaiyaphum, Khon Kaen, Surin, Udon Thani, Phatthalung, Surat Thani and Nakhon Si Thammarat.

Ditanya mengenai punca ketegangan di selatan, lebih separuh atau 55.7 peratus berkata pengedaran dadah dan penjualan senjata secara haram, 46.6 peratus menyebut mengenai kekurangan penyelarasan antara tentera, polis, pegawai pentadbir dan penduduk; 45.3 peratus menyalahkan rasuah; 44.9 peratus menyatakan pihak berkuasa bertindak lambat apabila menerima laporan kejadian; 42.1 peratus berkata ia berpunca daripada konflik antara agensi kerajaan dan 36.9 peratus menuduh pihak berkuasa menyokong pengganas. - Agensi